

30/06/2002

Dinar emas mampu keluarkan negara Islam dari kepompong AS

KUALA LUMPUR: Penggunaan dinar emas dalam perdagangan antarabangsa sebagaimana diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dapat mengeluarkan negara Islam, termasuk Malaysia daripada kepompong Dolar Amerika.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata penggunaan dinar emas dalam perdagangan antarabangsa mungkin menimbulkan reaksi positif dan negatif sama ada daripada negara Islam mahupun Barat.

Bagaimanapun, katanya, penggunaan dinar emas sebagaimana dicadangkan oleh Perdana Menteri sebenarnya satu matlamat atau visi positif dan amat baik dalam tempoh jangka panjang yang seharusnya diterima oleh dunia Islam.

Beliau berkata, cadangan dan usaha itu juga menunjukkan Dr Mahathir mempunyai pandangan dan idea yang begitu jauh ke depan demi kepentingan umat Islam sejagat.

"Dengan adanya dinar emas sebagai mata wang dalam perdagangan antarabangsa, Malaysia dapat menjadi contoh kepada negara Islam lain, sekali gus keluar daripada kepompong Dolar Amerika dalam urusan perdagangan," katanya selepas majlis pemilihan dan pameran reka bentuk astaka majlis tilawah al-Quran peringkat antarabangsa ke-44 di Kompleks Kementerian Kerja Raya di sini, semalam.

Kelmarin, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Shamsuddin berkata bahawa Dr Mahathir menanggukuhkan persaraannya sehingga sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) Oktober tahun depan kerana mahu melihat ilhamnya supaya dunia Islam menggunakan dinar emas dalam perdagangan antarabangsa tercapai.

Dinar emas mula menarik perhatian Dr Mahathir apabila melihat sistem kewangan dunia gagal menangkis serangan spekulator mata wang sehingga menjadikan mata wang banyak negara termasuk Malaysia jatuh secara mendadak.

Sehubungan itu, Perdana Menteri yakin dinar emas yang disandarkan kepada nilai sebenar wang dapat membendung kegiatan itu dan mampu menggantikan dan bersaing dengan penggunaan Dolar Amerika.

Setakat ini, tiga negara Asia Barat bersetuju untuk menggunakan dinar emas dalam urusan perdagangan dengan Malaysia.

Pada majlis itu, 10 model reka bentuk astaka bagi majlis tilawah al-Quran dipersembahkan dan lima daripadanya dipilih untuk dikemukakan kepada Perdana Menteri.

Empat daripada lima reka bentuk astaka yang terpilih itu dihasilkan oleh pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) manakala satu lagi adalah daripada Jabatan Kerja Raya.

(END)